

04/11/1998

Melayu Singapura perlu bersuara

Penduduk Terbuang

SAYA adalah rakyat Singapura yang sangat kesal kerana tiada seorang pun Ahli Parlimen (MP) Melayu yang menyangkal pendapat Menteri Kanan, Lee Kuan Yew dalam buku 'Memoirs' beliau yang menyatakan rusuhan kaum 1964 dicetuskan oleh orang Melayu yang didalangi pemimpin Umno.

Baru-baru ini sebuah parti Melayu (Singapore National Front) menyangkal sebaliknya menyatakan ia disebabkan oleh orang Cina yang memulakan dengan membuang botol ke arah orang Islam yang berarak sempena menyambut Maulidur Rasul.

Saya berharap ada pihak di Malaysia yang akan menulis buku memberi butir sebenar untuk generasi yang akan datang seperti:

- * Ketika berlaku rusuhan pada 1964, berapa peratuskah penduduk Melayu di Singapura ketika itu yang kini cuma tinggal 14 peratus.

- * Dapatkan pendapat seberapa ramai orang lama dalam Umno. Malah lebih baik jika Abdul Samad Ismail salah seorang pengasas Parti Tindakan Rakyat (PAP) menulis buku untuk dijadikan pedoman kepada cucu-cicit kita yang akan datang.

Saya juga berdoa supaya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dipanjangkan usia kerana beliau adalah pemimpin yang menaikkan maruah orang Melayu bukan setakat di Malaysia malah di Singapura dan seluruh dunia. Syabas!

Kejayaan Malaysia amat penting untuk orang Melayu kerana ramai daripada mereka memegang jawatan penting yang dapat menimbulkan inspirasi untuk semua Melayu di Singapura.

Singapura mengamalkan metrokasi berat sebelah kerana di berapa sekolah pun diadakan SAP School (Special Assistance Programme) untuk memajukan budaya Cina dan tidak bangsa lain. Jelas dan terang ini adalah perkauman.

Di bank-bank Singapura sungguh sukar melihat orang Melayu bekerja. Ini yang membuat Mano Sabani (bekas Editor Business Times) melahirkan keprihatinan beliau dengan berkata tidak akan sampai orang-orang tidak ada kebolehan bekerja di front line. Ini membuat Perdana Menteri Goh Chok Tong meminta bank membuka pintu untuk orang Melayu.

Terdapat ramai orang Melayu yang bijak di Singapura. Mereka juga boleh menjadi pemimpin berkebolehan seperti di Malaysia jika diberi peluang tetapi mereka ditekan melalui cara metrokasi ala Singapura.

Di sini saya berharap ramai lagi orang Melayu Singapura yang berkebolehan menyuarkan pandangan mereka.